

23/11/2003

Penamatan khidmat Abdullah Ahmad tiada kaitan politik: PM

KUALA LUMPUR: Penamatan khidmat Tan Sri Abdullah Ahmad daripada tugasnya sebagai Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) tiada kaitan dengan perkembangan politik dalam negara, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan hanya menyuarakan pandangan kepada NSTP berikutan bantahan yang diterima daripada Kerajaan Arab Saudi dan beberapa negara Teluk berhubung artikel yang ditulisnya.

"Saya mahu bersikap terbuka mengenai hal ini. Ia berkaitan artikel yang disiarkan oleh akhbar berkenaan (NST). Kita beranggapan artikel itu menimbulkan masalah kepada Malaysia dengan Arab Saudi dan beberapa negara Teluk.

"Wisma Putra menerima bantahan dan menulis nota kepada saya. Apabila dibaca (artikel itu) sampai ke peringkat menggesa supaya kerajaan di sana yang (dikatakannya) totalitarian mesti digulingkan atau diruntuhkan, maka itu adalah satu tindakan yang kita tidak boleh terima.

"Ini menjejaskan hubungan antara dua negara dan sekarang kita menjadi Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC). Ini akan menyulitkan tugas Malaysia dengan kedudukan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno, semalam.

Perdana Menteri berkata, tiada punca lain termasuk isu politik dalam negara yang mempunyai kaitan dengan peribadinya serta mana-mana pemimpin dalam Umno yang menjadi punca Abdullah ditamatkan perkhidmatannya.

"Tiada kena mengena perkara lain termasuk isu-isu politik dalam negara, tidak ada kena mengena peribadi saya atau mana-mana orang yang ada di sini (pemimpin dalam Umno). Purely on this basis (isu hubungan dua negara).

"Kalau ikutkan peribadi, dah lama kita ambil tindakan, (berdasarkan artikel yang menyentuh peribadi pemimpin Umno sebelum ini) namun kita cukup toleransi dalam hal ini.

"Dalam hal ini, kita sudah suarakan pandangan kerajaan kepada NSTP. Saya difahamkan, penamatan khidmat itu dibuat mengikut terma lantikan yang ditandatangani oleh dua pihak iaitu Abdullah dan majikannya," katanya.

Kelmarin, NSTP mengeluarkan kenyataan mengumumkan penamatan khidmat Abdullah sebagai ketua pengarang kumpulan berkuat kuasa serta merta, namun beliau masih kekal sebagai anggota lembaga pengarah NSTP.

Beliau mula berkhidmat sebagai ketua pengarang kumpulan pada 2 Mei 2000 dan antara kolum beliau di dalam akhbar terbitan NSTP adalah The NST Diary dalam New Sunday Times, Isu Bersama A.A dalam Berita Minggu dan On The Record dalam New Straits Times setiap Rabu.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai panggilan terhadap beliau sebagai 'Pak Lah', Abdullah berkata, beliau tidak kisah panggilan yang dibuat menggunakan nama timang-timangan itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau berharap jika panggilan itu mahu dibuat ia boleh digunakan mengikut kesesuaian dan melihat kepada sesuatu majlis itu sama ada rasmi atau pun tidak.

"Kalau ramai yang selesa memanggil saya Pak Lah saya tidak kisah tetapi ketika yang sama mereka dapat mengikut kesesuaian sesuatu majlis," katanya yang secara berseloroh berkata ada kemungkinan panggilan Datuk Seri Abdullah sebagai agak panjang.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, menyarankan semua pihak di negara ini, termasuk media tidak lagi memanggil Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggunakan nama timang-timangan Pak Lah.

Beliau meminta mereka memberi pengiktirafan dan penghormatan dengan memanggil Perdana Menteri sebagai Datuk Seri Abdullah seperti bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.